

BAHAGIAN 3

PANDUAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING

PINDAAN OKTOBER 2013

**PERATURAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING
DENGAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Versi 2013

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dengan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum mendapat izin bertulis daripada pengeluar.

**Setiausaha,
Bahagian Perolehan Kerajaan,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras Bawah, 3, 4 & 5 Blok Utara,
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia,
No. 5 Persiaran Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Presint 2,
62592 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

No. Tel : 03-88823000/3166/4341/4339/3209/3082
No. Faks : 03-88824337

PENDAHULUAN

Panduan pendaftaran ini secara keseluruhannya menerangkan dasar dan tatacara permohonan pendaftaran Firma Perunding serta senarai kod bidang pendaftaran. Panduan ini boleh dijadikan rujukan oleh Firma Perunding dalam membuat permohonan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan melalui Modul Pendaftaran, Sistem ePerolehan.

Panduan ini juga adalah sebagai rujukan kepada Agensi Kerajaan mengenai penggunaan kod bidang bagi sesuatu perkhidmatan yang ingin diperolehi selaras dengan tatacara dan peraturan kewangan semasa berkuat kuasa. Setiap perolehan hendaklah mengikut prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, diurus secara telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.

Panduan ini diharap dapat memudahkan urusan berkaitan perolehan Kerajaan oleh pihak-pihak yang berkaitan sama ada pihak Swasta mahupun Agensi Kerajaan.

BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENGENALAN

Selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan Arahan Perbendaharaan (AP) 166.1, 166.2(i), 166.2(ix), 166.2(x), 184.2, 184.3 serta Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 6 Tahun 2010, semua Firma Perunding yang ingin mengurusniaga dengan Kerajaan hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Oleh yang demikian, Firma Perunding hendaklah membuat perancangan awal dan memberi fokus dalam bidang perniagaan yang diceburi untuk meningkatkan keupayaan, kebolehan dan daya saing. Sehubungan dengan itu, pemilihan kod bidang hendaklah bersesuaian dengan bidang yang diceburi dan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau lain-lain Undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Modul Pendaftaran, Sistem ePerolehan di laman web www.eperolehan.gov.my. MOF tidak pernah melantik mana-mana pihak lain untuk urusan pendaftaran dengan MOF. Selaras dengan hasrat Kerajaan supaya komuniti perniagaan celik *ICT*, adalah disarankan supaya permohonan untuk berdaftar dilakukan sendiri oleh syarikat dan bagi meningkatkan keselamatan maklumat, integriti dan tadbir urus korporat.

Kerajaan Malaysia dan MOF adalah tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian ke atas Firma Perunding setelah berdaftar dengan MOF dan penggunaan mana-mana maklumat yang diperolehi daripada laman web www.eperolehan.gov.my. Kelulusan pendaftaran ini tidak mengikat Kerajaan untuk menawarkan sebarang perolehan Kerajaan kepada Firma Perunding. Firma Perunding juga boleh dikenakan tindakan tatatertib jika tidak mematuhi syarat pendaftaran, peraturan kewangan dan obligasi kontrak atau prestasi tidak memuaskan dalam menyertai apa-apa perolehan Kerajaan.

Firma Perunding diingatkan apa-apa perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima sesuatu suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan Kerajaan merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Firma Perunding hendaklah juga sentiasa mengamalkan tadbir urus korporat yang baik (*good governance*), telus dan berintegriti supaya matlamat untuk membentuk komuniti perniagaan yang berdaya saing dan boleh menghadapi arus globalisasi dapat direalisasikan.

SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING

1. CARA MEMOHON PENDAFTARAN

- 1.1 Permohonan Firma Perunding hendaklah dibuat melalui laman web: www.eperolehan.gov.my
- 1.2 Segala maklumat dan keterangan mengenai Pendaftaran Firma Perunding di MOF boleh diperolehi daripada laman web tersebut.
- 1.3 Mana-mana firma perunding yang berdaftar atau telah memperbaharui sijil pendaftaran dengan MOF hendaklah turut mendapatkan ID untuk mengakses sistem ePerunding. Borang permohonan ID boleh didapati melalui laman web sistem ePerunding <https://eperunding.treasury.gov.my>.

2. KADAR BAYARAN PENDAFTARAN DAN LAIN-LAIN CAJ BERKAITAN

- 2.1 Kadar bayaran pendaftaran dan pemprosesan bagi setiap permohonan firma perunding adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Permohonan	Kadar bayaran pendaftaran (RM)	Bayaran proses (RM)	Tempoh Sah Laku Pendaftaran	Catatan
1.	Baru	400	50	3 tahun	Merangkumi 10 bidang pertama
2.	Pembaharuan	400	50	3 tahun	Merangkumi 10 bidang pertama
3.	Tambah Bidang	50	Tiada caj dikenakan	Tertakluk kepada tempoh sah laku pendaftaran	a) Setiap satu (1) bidang selepas 10 bidang pertama. b) Tambah bidang tidak boleh dipohon dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh sah laku pendaftaran tamat.
4.	Kemaskini	Tiada caj dikenakan	Tiada caj dikenakan	-	-

Nota:

- (i) Kod bidang yang dipohon perlulah selaras dengan kelayakan akademik, kelulusan Lembaga berkaitan dan pengalaman pemilik.
- (ii) Bayaran proses tidak akan dikembalikan (*non refundable*).

3. CARA BAYARAN PENDAFTARAN

3.1 Semua bayaran hendaklah dibuat atas nama **COMMERCE DOT COM SDN. BHD.** Bayaran diterima secara **tunai, cek, kiriman wang, wang pos, deraf bank, kad ATM Maybank dan kad kredit.** Bayaran secara **Kiriman Wang/Wang Pos/Deraf Bank/Cek** mestilah dipalangi “**TIDAK BOLEH DINIAGAKAN**” atau “**A/C Payee Only**”. Sila pastikan nombor pendaftaran MOF (contoh: 465-xxxxxxx) dan Nama Firma Perunding dicatatkan bagi setiap pembayaran.

3.2 Bayaran boleh dibuat melalui:

3.2.1 ePerolehan Centre

Bayaran dalam bentuk Kiriman Wang, Wang Pos, Deraf Bank, Cek, Tunai atau kad kredit/debit diterima di eP Centre Commerce Dot Com Sdn. Bhd. seluruh Malaysia.

3.2.2 Kaunter Maybank

Bayaran secara kredit terus dibuat di cawangan **Malayan Banking Bhd. (Maybank)** atas nama **Commerce Dot Com Sdn. Bhd.** melalui akaun **562142800978**. Nombor Pendaftaran MOF (contoh: **465-xxxxxxx**) dan Nama Firma Perunding perlu dicatatkan di ruang keterangan urusaniaga di slip deposit Maybank. **Salinan slip deposit mestilah difakskan (03-77871001) ke Commerce Dot Com Sdn. Bhd.**

3.2.3 Maybank2u

Pembayaran boleh dibuat melalui Maybank2u di mana Commerce Dot Com Sdn. Bhd. disenaraikan sebagai *payee corporation* di bawah kategori *eGovernment*.

3.2.4 Melalui Pos

Bayaran dalam bentuk Kiriman Wang, Wang Pos, Deraf Bank atau Cek diposkan ke alamat:

**Commerce Dot Com Sdn. Bhd.,
Tingkat 4, Wisma Amtek,
No 15, Jalan Tandang,
46050 Petaling Jaya,
SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03 -7985 7777/7888
Faks : 03 -77871001**

3.3 Pembayaran boleh dibuat dalam tempoh 60 hari sebaik sahaja status permohonan tertera “**Menunggu Pembayaran**”. Jika pembayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut permohonan pendaftaran akan terbatal secara atas talian.

- 3.4 Adalah digalakkan setiap borang permohonan tidak disertakan dokumen pembayaran bagi mengelakkan kehilangan dokumen pembayaran tersebut. **Pihak MOF tidak bertanggungjawab di atas ke atas kehilangan semua kaedah bayaran dan dokumen pembayaran (Kiriman Wang, Wang Pos, Deraf Bank, Cek, dan Tunai) yang dikemukakan bersama dokumen permohonan.**
- 3.5 Mana-mana firma perunding yang ingin membatalkan pendaftaran atau perkara-perkara lain **sebelum serahan dokumen** dan ingin mendapatkan bayaran dikembalikan, sila hubungi pihak **Commerce Dot Com Sdn. Bhd.** seperti di para 3.2.4.

4. DASAR PENDAFTARAN PERUNDING

- 4.1 **Semua firma perunding hendaklah diperbadankan di Malaysia (Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Registrar of Business (ROB) atau Registrar of Company (ROC) sahaja)** sebelum boleh berdaftar dengan MOF. Bagi Sabah dan Sarawak, firma perunding perlu diperbadankan atau berdaftar dengan pihak berkuasa yang mendaftarkan firma perunding di Sabah dan Sarawak.
- 4.2 Firma perunding yang berdaftar dengan MOF akan diberikan **taraf daftar sahaja**.
- 4.3 MOF juga mendaftarkan firma yang melibatkan pemilikan saham dari kalangan warganegara dan bukan warganegara Malaysia berdasarkan peraturan-peraturan semasa.
- 4.4 Firma dan individu tempatan/asing yang ingin berdaftar dengan MOF dalam bidang perkhidmatan perunding fizikal hendaklah berdaftar dengan Lembaga Ikhtisas di Malaysia dan mematuhi peraturan-peraturan semasa pendaftaran firma perunding dengan kelayakan pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun.
- 4.5 Manakala untuk pendaftaran bidang perkhidmatan perunding bukan fizikal, firma dan individu tempatan/asing hendaklah mempunyai kelulusan ijazah dalam bidang yang dipohon dengan pengalaman kerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang yang diceburi dan lima (5) tahun pengalaman bagi individu tempatan/asing yang mempunyai kelayakan ijazah dari bidang yang lain serta mematuhi peraturan-peraturan semasa pendaftaran firma perunding.
- 4.6 NGO dan Badan-Badan Berkanun yang ingin berdaftar dengan MOF dalam bidang perunding fizikal atau bukan fizikal hendaklah mematuhi syarat-syarat yang terkandung dalam peraturan-peraturan semasa pendaftaran firma perunding.
- 4.7 Firma asing yang tidak diperbadankan di Malaysia perlu menubuhkan cawangan di Malaysia dan cawangan tersebut perlu berdaftar dengan SSM mengikut Akta Syarikat 1965 [Akta 125].
- 4.8 Pemilikan saham secara korporat/nomini adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- a) individu ikhtisas yang dinamakan untuk mendapat bidang berkenaan hendaklah dilantik sebagai pengarah dan kakitangan ikhtisas sepenuh masa serta dicarum KWSP.

- b) individu ikhtisas yang dinamakan hendaklah berdaftar dengan lembaga ikhtisas masing-masing.
 - c) individu separa ikhtisas mestilah berkelayakan selaras dengan bidang yang dipohon dan dicarum KWSP.
 - d) sekurang-kurangnya seorang kakitangan perkeranian yang dicarum KWSP.
- 4.9 Firma dibenarkan memilih untuk berdaftar sama ada dalam perkhidmatan perunding fizikal atau bukan fizikal sahaja kecuali bidang penilaian harta/hartanah.
- 4.10 **PAKATAN HARGA** adalah dilarang sama sekali dalam urusan perolehan. Oleh yang demikian, sebarang keadaan atau kemungkinan yang mana pada pandangan Kementerian ini boleh membawa/mengakibatkan pendaftaran sesuatu firma di MOF ditolak, antaranya:
- a) firma perunding Bersekutu, induk, pegangan dan anak syarikat tidak boleh berdaftar di bawah bidang yang sama.
 - b) seorang pemilik ekuiti/saham dan pengarah yang sama dalam dua (2) atau lebih firma perunding tidak akan didaftarkan dalam bidang yang sama. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pemohon menjelaskan/mengisytiharkan pemilikan modal yang terdapat di dalam firma perunding lain. Jika gagal, nama individu tersebut akan di senarai hitamkan dan semua firma perunding yang ada kepentingannya akan disemak semula pendaftarannya.
 - c) dua (2) atau lebih firma perunding yang mempunyai pemilik, pengarah, pengurus dan pekerja yang sama tidak boleh berdaftar dalam bidang yang sama.
 - d) firma perunding yang beroperasi di premis yang sama (menggunakan akses masuk yang sama atau tiada garis pemisah yang jelas) tidak dibenarkan berdaftar dalam kod bidang yang sama.
 - e) firma perunding yang berdaftar dalam bidang yang sama atau aktiviti perniagaan yang sama tidak dibenarkan beroperasi di premis yang sama dengan firma perunding yang dikongsi premis walaupun firma perunding tersebut berdaftar atau tidak berdaftar dengan MOF.
- 4.11 Pengarah yang dilantik untuk mewakili Agensi Amanah Kerajaan/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan *Government Linked Companies* (GLCs) dikecualikan daripada mematuhi perkara di perenggan 4.8.
- 4.12 Firma perunding adalah bertanggungjawab untuk mengemas kini maklumat secara atas talian sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam **tempoh masa 21 hari dari tarikh perubahan** tersebut berlaku. Sekiranya gagal, MOF boleh membatalkan pendaftaran atau mengambil lain-lain tindakan.
- 4.13 MOF berhak melakukan lawatan/audit ke premis firma perunding dan boleh mengemukakan maklumat firma perunding kepada Agensi bagi tujuan perolehan Kerajaan serta pihak ketiga untuk menambah baik sistem penyampaian Kerajaan.

- 4.14 MOF berhak mengeluarkan secara **automatik** maklumat firma perunding dari Sistem ePerolehan sekiranya firma perunding **tidak membuat pembaharuan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat pendaftaran**. Sekiranya masih berminat untuk berdaftar, firma perunding boleh membuat permohonan baru selepas tempoh yang ditetapkan.
- 4.15 Surat kebenaran dan apa-apa pengesahan secara lisan atau bertulis untuk menyertai sesuatu perolehan Kerajaan (sebut harga/tender/*e-bidding*) tidak akan dikeluarkan. Perolehan Kerajaan hanya boleh disertai oleh firma perunding yang telah berdaftar dengan MOF sahaja.
- 4.16 Semua dokumen yang dikemukakan adalah menjadi milik Kerajaan selepas permohonan diluluskan atau permohonan ditolak selepas lawatan/audit.
- 4.17 Firma perunding hendaklah membuat permohonan pembatalan dan mengemukakan permohonan baru sekiranya berlaku perkara berikut:
- a) firma perunding membuat perubahan nama pemilik, pengarah, pengurusan, penandatanganan cek dan pekerja secara keseluruhan;
 - b) firma perunding pemilikan tunggal/perkongsian yang menukar nama firma perunding; atau
 - c) firma perunding pemilikan tunggal/perkongsian menaik taraf pendaftaran di bawah Akta Syarikat 1965.
- 4.18 Firma perunding tidak dibenarkan melakukan sebarang perubahan ke atas Pemilik dan Lembaga Pengarah/Pengarah dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh permohonan baru didaftarkan dengan MOF.
- 4.19 Firma perunding hendaklah memastikan pendaftaran dengan MOF berkuat kuasa sepanjang tempoh pelaksanaan projek/kajian dengan Agensi Kerajaan.

5. SYARAT-SYARAT UNTUK MENDAFTAR

- 5.1 Firma perunding hendaklah mempunyai modal terkumpul/berbayar seperti berikut:-
- a) Firma Perseorangan - Minimum RM50,000
 - b) Firma Perkongsian - Minimum RM50,000
 - c) Firma Sdn. Bhd. - Minimum RM50,000
 - d) Kajian Alam Sekitar - Minimum RM50,000
- 5.2 Firma perunding hendaklah mempunyai pejabat yang sah sama ada disewa atau dimiliki sendiri. Firma perunding tidak dibenarkan beroperasi menggunakan premis pejabat setiausaha syarikat, pejabat syarikat percukaian, pasar, gerai, kantin, rumah kediaman, kuarters Kerajaan dan semua premis Kerajaan untuk berdaftar

dengan MOF. Larangan ini disebabkan oleh premis berkenaan tidak bersesuaian untuk beroperasi sebagai firma perunding yang profesional.

- 5.3 Premis perniagaan tidak dibenarkan beroperasi menggunakan alamat pejabat maya (On-Line), Peti Pos (P.O.Box), *mailing box office services* dan lain-lain premis di mana kesahihan dan keupayaan syarikat sukar ditentukan.
- 5.4 Firma perunding hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang kakitangan tetap yang di carum KWSP dengan komposisi berikut:
 - a) kakitangan ikhtisas berkecualan akademik sekurang-kurangnya ijazah dalam bidang berkaitan;
 - b) kakitangan separa ikhtisas berkecualan akademik sekurang-kurangnya diploma dalam bidang berkaitan; dan
 - c) kakitangan perkeranian.
- 5.5 Pemilik firma perunding hendaklah dilantik sebagai Pengarah sepenuh masa dan boleh dilantik sebagai kakitangan ikhtisas atau pengurusan tetapi tidak dibenarkan dilantik sebagai pekerja.
- 5.6 Pemilik firma perunding hendaklah mempunyai kelulusan ikhtisas dalam bidang yang dipohon mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa serta dikehendaki mengemukakan *Curriculum Vitae* (CV)/pengalaman kerja pemilik berkaitan dengan bidang yang dipohon.
- 5.7 Pekerja ikhtisas dan separa ikhtisas hendaklah mengemukakan salinan ijazah pertama dan diploma serta CV/pengalaman kerja dalam bidang yang dipohon.
- 5.8 Kesemua pemilik ekuiti/saham hendaklah mempunyai pengalaman bekerja selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** setelah mendapat ijazah pertama dalam bidang yang dipohon.
- 5.9 Firma perunding yang ekuitinya dipegang oleh korporat/nomini perlu memiliki pengarah yang mempunyai pengalaman bekerja selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** setelah mendapat ijazah pertama dalam bidang yang dipohon.
- 5.10 Firma perunding hendaklah mempunyai akaun semasa yang aktif.
- 5.11 Bagi profesion yang etika perkhidmatannya dikawal oleh Lembaga Ikhtisas, pemilik ekuiti/saham diwajibkan berdaftar dengan Lembaga Ikhtisas masing-masing mengikut mana-mana bidang yang dipohon untuk didaftarkan. Bidang yang dipertimbangkan adalah berdasarkan bidang yang diluluskan oleh Lembaga Ikhtisas berkaitan.
- 5.12 Bagi profesion yang etika perkhidmatan masih belum dikawal oleh Lembaga Ikhtisas tertentu, bidang yang dipohon untuk didaftarkan hendaklah berdasarkan kelulusan akademik dan pengalaman kerja pemilik.
- 5.13 Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Kewangan hanya dibenarkan mendaftar sebuah firma perunding sahaja dengan MOF.

- 5.14 Firma perunding dikehendaki mengemukakan perakuan pendaftaran dengan Lembaga Ikhtisas untuk menjalankan kerja-kerja perundingan sebagai mematuhi peruntukan Akta yang dikeluarkan oleh Lembaga Ikhtisas berkaitan.
- 5.15 Firma Juruukur Tanah adalah diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya satu pasukan ukur secara tetap yang di carum KWSP terdiri dari Juruukur, Juruteknik dan Pelukis Pelan.
- 5.16 Pejabat cawangan yang diurus oleh firma Juruukur Tanah hendaklah beroperasi di bawah nama firma tersebut dan hendaklah diuruskan secara berterusan jika seseorang Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang praktis atas suatu nama firma.

6. SYARAT KHUSUS BAGI PENDAFTARAN BIDANG ALAM SEKITAR

6.1 Bidang Alam Sekitar

- a) Untuk bidang alam sekitar, firma perunding hendaklah berdaftar dengan SSM.
- b) Pemilikan saham sekurang-kurangnya tiga (3) orang pemilik ekuiti dengan mempunyai tiga (3) kelayakan akademik seperti berikut:
 - (i) Jurutera berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
 - (ii) Sains Fizik/Kimia/Ekologi atau setara.
 - (iii) Juruukur Bahan/Arkitek yang berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) atau Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Ekonomi dan Sosio-Ekonomi yang berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA), Perancang Bandar berdaftar dengan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) dan bidang landskap berdaftar dengan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM).
 - (iv) Salah seorang pemilik hendaklah berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar.
 - (v) Syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi di perenggan 5.1 hingga 5.9.

7. SYARAT KHUSUS BAGI PENDAFTARAN BIDANG PERUNDING INFORMASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (ICT)

7.1 Bidang ICT

- a) Untuk bidang ICT, firma perunding hendaklah berdaftar dengan SSM.
- b) Pemilik dikehendaki mempunyai minimum ijazah di dalam bidang berkaitan.
- c) Pekerja ikhtisas hendaklah mempunyai minimum Ijazah dalam bidang komputer dan setaraf serta pengalaman kerja dalam bidang yang dipohon minimum lima (5) tahun.

- d) Pekerja separa ikhtisas mempunyai minimum diploma dalam bidang komputer dan setaraf. Pengalaman kerja dalam bidang yang dipohon minimum lima (5) tahun.
- e) Syarat-syarat lain yang perlu dipenuhi seperti di perenggan 5.1 hingga 5.9.

8. GARIS PADUAN KELAYAKAN AKADEMIK UNTUK BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING

- 8.1 Garis panduan kelayakan akademik untuk bidang perkhidmatan perunding fizikal seperti di **Lampiran A**.
- 8.2 Garis panduan kelayakan akademik untuk bidang perkhidmatan perunding bukan fizikal seperti di **Lampiran B**.

9. DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BORANG PERMOHONAN

- 9.1 *Memorandum and Articles of Association (M&A), Form of Annual Return* terkini, Borang 32A, Borang A/B, Borang 24, dan Borang 49 yang disahkan oleh SSM atau Setiausaha Syarikat Berlesen yang jelas terdapat nama, nombor lesen dan tarikh terbaru pengesahan dibuat pada cop asal Setiausaha Syarikat berkenaan atau Borang A atau B dan Borang D yang dikeluarkan oleh Unit Perniagaan, SSM bagi Firma Perseorangan/Perkongsian.
- 9.2 Salinan surat pendaftaran Lembaga Ikhtisas berkaitan yang masih berkuat kuasa yang disahkan oleh Lembaga berkenaan.
- 9.3 Salinan ijazah dan CV bagi semua pemilik, pengarah dan kakitangan Ikhtisas dan Separat Ikhtisas firma perunding.
- 9.4 Salinan surat perjanjian sewa pejabat yang dimatikan setem dan salinan resit pembayaran sewa untuk tiga (3) bulan terakhir atau salinan surat hak milik, jika pejabat milik sendiri.
- 9.5 Salinan penyata akaun bank tiga (3) bulan terakhir atau salinan dokumen kemudahan kewangan yang diperolehi dari Institusi Kewangan seperti *overdraft*, *letter of credit*, jaminan bank atau lain-lain hendaklah disertakan.
- 9.6 Borang penyata pengesahan caruman KWSP (Borang A) dan resit pembayaran caruman KWSP bagi pekerja firma perunding untuk tempoh tiga (3) bulan terkini.
- 9.7 Surat pengesahan daripada bank-bank mengenai kuasa tandatangan cek firma perunding. Cek-cek tidak boleh ditandatangani oleh mereka yang tiada kaitan dengan firma perunding.

- 9.8 Lesen yang sah dan masih berkuat kuasa bagi bidang tertentu yang dikehendaki oleh undang-undang yang sedang berkuat kuasa tertakluk di bawah Akta Lembaga masing-masing.
- 9.9 Peta lakar yang menunjukkan kedudukan alamat firma/pejabat bagi tujuan pemeriksaan. Petunjuk hendaklah dibuat dari bandar yang terdekat. Lokasi mercu tanda yang mudah dikenal pasti hendaklah dimasukkan dalam peta tersebut.

10. SIJIL / SURAT KELULUSAN

- 10.1 Selaras dengan pelaksanaan sijil virtual seperti Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 30 Disember 2009, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera boleh dicetak sendiri secara atas talian melalui laman web www.eperolehan.gov.my. Jika syarikat terlupa/kehilangan ID dan kata laluan sila hubungi Commerce Dot Com Sdn Bhd di talian 03-7985 7777/7985/7888.
- 10.2 Sijil merupakan '**HAK KERAJAAN**'.
- 10.3 Surat kelulusan permohonan hanya akan dikeluarkan atas permintaan syarikat sahaja.

11. PERINGATAN

- 11.1 Kegagalan firma perunding mengemukakan dokumen yang diminta di **Perenggan 9** boleh mengakibatkan permohonan firma perunding **DITOLAK**.
- 11.2 Dokumen penting seperti salinan kad pengenalan, penyata bank, dan penyata caruman KWSP hendaklah dipalang dengan perkataan "**UNTUK KEGUNAAN UNIT PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN**" bagi melindungi harta hakmilik pelanggan.
- 11.3 Semua maklumat dan dokumen yang diberi hendaklah sah dan benar. Jika terdapat pemalsuan maklumat atau dokumen, permohonan pendaftaran akan **ditolak atau pendaftaran akan dibatalkan** jika kelulusan telah diberi.
- 11.4 MOF berhak menyemak maklumat dan dokumen firma perunding bagi memastikan ianya adalah benar.
- 11.5 Permohonan tambah bidang hanya dibenarkan bagi bidang yang mempunyai Lembaga Ikhtisasnya sendiri dan/atau berdasarkan kelayakan pemilik dalam bidang berkenaan (kecuali bagi bidang ICT).
- 11.6 Permohonan tambah bidang dan pembaharuan hendaklah dihantar secara berasingan bagi mengelakkan salah satu permohonan tidak diproses dan permohonan ini juga tidak akan dipertimbangkan jika dibuat dalam tempoh pembaharuan iaitu empat (4) bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran semasa. Walau bagaimanapun permohonan tambah bidang berikutnya dibenarkan hanya selepas empat (4) bulan permohonan baru/pembaharuan/ tambah bidang terdahulu didaftarkan dengan mengemukakan surat penjelasan.

11.7 Surat kebenaran untuk menyertai sesuatu tender/sebut harga tidak akan dikeluarkan. Tender/Sebut harga hanya boleh disertai oleh mana-mana firma perunding yang telah berdaftar sahaja.

11.8 Bagi firma perunding pemilikan secara korporat/nomini, kod bidang/pendaftaran boleh dibatalkan jika pengarah yang dinamakan bagi mendapat kod bidang berkenaan telah berhenti daripada firma perunding.

12. PERTANYAAN

12.1 Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:-

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras Bawah, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5 Persiaran Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Presint 2,
62592 PUTRAJAYA
(u.p. Unit Pendaftaran Syarikat)

No. Tel : 03-88823000/3166/4341/4339/3209/3082
No. Faks : 03-88824337
Emel : ups@treasury.gov.my

GARIS PANDUAN KELAYAKAN AKADEMIK UNTUK BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING FIZIKAL

Bil	Kod Bidang	Bidang	Kelayakan	Skop Perkhidmatan
	KEJURUTERAAN			
1	330101	Kejuruteraan Awam	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Awam atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
2	330102	Kejuruteraan Struktur	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Awam/ Struktur atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
3	330103	Kejuruteraan Elektrik	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	

GARIS PANDUAN KELAYAKAN AKADEMIK UNTUK BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING FIZIKAL

Bil	Kod Bidang	Bidang	Kelayakan	Skop Perkhidmatan
4	330104	Kejuruteraan Mekanikal	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
5	330105	Kejuruteraan Elektronik	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik/ Elektronik atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
6	330106	Kejuruteraan Kimia	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kimia/Petrokimia atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	

GARIS PANDUAN KELAYAKAN AKADEMIK UNTUK BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING FIZIKAL

Bil	Kod Bidang	Bidang	Kelayakan	Skop Perkhidmatan
7	330107	Kejuruteraan Perlombongan	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Perlombongan/Petroleum, Kejuruteraan Geologi, Sains Mineral atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
8	330108	Kejuruteraan Marin	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Marin/Sains Nautika/Pengangkutan Merin/ Teknologi Mekanikal Marin atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
9	330109	Kejuruteraan Geologi	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Geologi atau setara pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	

GARIS PANDUAN KELAYAKAN AKADEMIK UNTUK BIDANG PERKHIDMATAN PERUNDING FIZIKAL

Bil	Kod Bidang	Bidang	Kelayakan	Skop Perkhidmatan
10	330110	Kejuruteraan Industri	a) Pemilik firma mempunyai kelayakan akademik dan profesional seperti berikut: i. Sekurang-kurangnya Ijazah dalam bidang Kejuruteraan Industri atau setara dan pengalaman selama lima (5) tahun. ii. Sekurang-kurangnya seorang pemilik berdaftar sebagai professional di bawah Akta Jurutera. iii. Berdaftar sebagai perunding kejuruteraan awam di bawah Lembaga Jurutera Malaysia dan pendaftaran masih sah.	
